



2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a) Datuk sering menasihati cucunya supaya menghormati orang _____ dan membantu mereka yang lebih muda.
- b) Sepanjang hari, Rahman berulang-alik dari hulu ke _____ mencari barang yang diperlukan ibunya.
- c) Dua negara yang dahulu sering bergaduh akhirnya _____ demi kesejahteraan rakyat mereka.
- d) Waiz keliru dengan soalan yang diberikan. Namun demikian, selepas membaca dengan teliti, dia akhirnya _____ maksud soalan itu.
- e) Hubungan Qhairah dan Wina yang erat semakin _____ sejak mereka berpindah sekolah.

[5 markah]

3. Tuliskan **KATA GANDA** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a) Mahmud mengalami cirit-_____ selepas makan makanan yang basi.
- b) Ayah suka memberi makan kepada burung-_____ yang singgah di halaman rumah.
- c) Pemuda itu berjalan dalam keadaan huyung-_____ kerana terlalu pening.
- d) Walaupun Encik Ramli kaya-_____, beliau tetap merendah diri dan suka membantu orang miskin.
- e) Adik menangis _____-esak selepas terjatuh dari basikalnya.

[5 markah]

4. Pilih **IMBUHAN** yang disediakan dan tuliskan di tempat-tempat yang kosong dalam ayatayat di bawah.

- a) Cikgu meminta Ali untuk tunjuk _____ hasil kerjanya kepada kelas. **(-kan, -an, -i)**
- b) Datuk dan nenek _____ angkat ke Mekah untuk menunaikan haji. **(ber, me, ter)**
- c) Bunga-bunga di taman itu _____ cantik _____ suasana rumah kami. **(men-kan, di-kan, ber-an)**
- d) Kata-kata semangat daripada guru _____ buat _____ saya lebih bersemangat belajar. **(ke-an, mem-kan, di-kan)**
- e) Para penonton _____ hiburan _____ dengan persembahan lawak jenaka. **(di-kan, ber-kan, men-kan)**
- f) _____ lantik _____ pemain bola sepak terbaik dilakukan berdasarkan prestasi mereka. **(mem-kan, pe-an, pem-an)**
- g) Kesihatan murid _____ periksa oleh doktor pada setiap tahun. **(me, ber, di)**
- h) Kita perlu mengurus _____ belanja _____ dengan bijak untuk mengelakkan pembaziran. **(per-an, ber-an, di-kan)**
- i) Banyak _____ baik _____ yang boleh diperolehi daripada amalan membaca setiap hari. **(me-i, di-kan, ke-an)**
- j) Mereka _____ teduh di bawah pokok ketika hujan turun. **(ter, ber, meng)**


[10 markah]

Isikan penjodoh bilangan yang sesuai.


a) Bella adalah se _____ jururawat
yang sentiasa bersikap mesra terhadap pesakitnya.



b) Ayah memberikan se _____ roti
kepada seekor kucing yang lapar di tepi jalan.



c) Anggota tentera itu telah menembak dengan se
_____ meriam ke arah sasaran
musuh di atas bukit.



d) Kakak sangat gembira apabila menerima se
_____ cincin berlian daripada
tunangnya.



f) Ibu membawa se _____ payung
ke pasar kerana cuaca mula mendung.



[5 markah]

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a) Pihak polis mengingatkan penduduk agar (**berwaspada**) _____ terhadap kes penipuan dalam talian.
- b) Kami diminta (**beredar**) _____ dari perpustakaan kerana waktu operasi sudah tamat.
- c) Ibu dan ayah sentiasa mencurahkan (**kasih**) _____ kepada anak-anak mereka.
- d) Teknologi berkembang dengan cepat dalam (**abad**) _____ ke-21.
- e) Muzium tersebut menarik ramai _____ (**pengunjung**) dari dalam dan luar negara.
- f) Baju pekerja itu (**basah**) _____ kerana terkena percikan air ketika mencuci kereta.
- g) _____ (**Etika**) dalam perbualan harus dijaga agar tidak menyinggung perasaan orang lain.
- h) Kain jarang ini tidak _____ (**padan**) dibuat baju kurung.
- i) Kuih-muih yang Mak Cik Leha jual di pasar malam itu sungguh (**laris**) _____.
- j) Sudah bertahun-tahun saya menunggu untuk (**berjumpa**) _____ ibu kandung saya, tetapi harapan itu semakin pudar.

[10 markah]

7. Isikan tempat-tempat kosong dengan **PENANDA WACANA** yang disediakan dalam petak bagi ayat-ayat di bawah ini.

Lebih-lebih lagi	Semenjak itu	Kemudian	Dalam pada itu	Biarpun demikian
------------------	--------------	----------	----------------	------------------

- Amir berasa letih setelah kerja seharian. _____, dia tetap meluangkan masa untuk keluarganya.
- Mula-mula, saya memotong sayur. _____, saya menumis bawang hingga naik bau.
- Amir makan makanan pedas dan sakit perut. _____, dia lebih berhati-hati memilih makanan.
- Bella sedang memasak di dapur. _____, adiknya menyiapkan meja makan.
- Kemahiran ICT semakin penting dalam dunia moden. _____, banyak pekerjaan kini memerlukan kepakaran dalam teknologi digital.

[5 markah]

8. Tuliskan semula senarai **PERKATAAN** yang terdapat dalam petak pada ruangan yang disediakan mengikut jenisnya.

segelintir	tetapi	atau	seribu	serta
suku	maka	ketiga	masing-masing	sambil

KATA BILANGAN

KATA HUBUNG

[10 markah]

9. Tulis semula **PERIBAHASA** di bawah pada erti simpulan bahasa yang sesuai.

- Menerima rasuah.
- Malas bercakap atau tidak mesra.
- Anak kandung.
- Hidup dalam kemiskinan, hanya cukup untuk keperluan harian.
- Mencuba untuk mempertahankan pembohongan.

a. Berat mulut

b. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

c. Seperti menegakkan benang yang basah.

d. Makan suap.

e. Darah daging.

[5 markah]

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Tanya	Ayat Penyata	Ayat Larangan	Ayat Silaan	Ayat Seru
------------	--------------	---------------	-------------	-----------

a. Usah berkata kasar kepada ibu bapa.

()

b. Amboi, seronoknya mereka bermain di taman!

()

c. Jemputlah minum air ini.

()

d. Mengapakah kamu lewat ke sekolah hari ini?

()

e. Jangan sesekali mempercayai berita palsu tanpa menyelidiknya terlebih dahulu.

()

f. Kemajuan teknologi membantu manusia dalam kehidupan seharian.

()

g. Dilarang berlari di dalam kelas.

()

h. Marilah kita bersama-sama membersihkan kawasan sekolah.

()

i. Brunei ialah sebuah negara di Asia Tenggara.

()

j. Sejauh manakah kepentingan amalan membaca dalam kehidupan kita?

()

[10 markah]

12. Tuliskan semula ayat-ayat di bawah ini dengan membubuh **TANDA BACA** yang betul.

a. Eh kamu sudah sampai

b. Apabila sudah gelap kita harus masuk ke dalam rumah

c. Rumah itu dibina menggunakan batu bata yang berkualiti tinggi

d. mereka sekeluarga singgah ke tamu kianggeh.

e. Tetamu dihidangkan dengan kopi panas pisang goreng serta kek

[10 markah]

13. Isikan tempat-tempat kosong dengan **KATA HUBUNG** yang disediakan dalam petak.

sejurus	demi	bahawa	kerana	sehingga
---------	------	--------	--------	----------

- a. Pokok itu layu _____ tidak disiram.
- b. _____ hujan berhenti, kami terus bermain di luar rumah.
- c. Aishah membaca buku _____ mengantuk.
- d. Ayah bekerja siang dan malam _____ masa depan keluarga.
- e. Kajian menunjukkan _____ membaca buku dapat meningkatkan daya pemikiran seseorang.

[5 markah]